

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 5 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1211-L11487
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menggubal undang-undang mengenai penjanaan dan pembekalan tenaga bagi memastikan wujudnya sistem pengurusan tenaga yang mampan (sustainable) merangkumi semua pihak di samping mempelopori usaha penjanaan tenaga dari sumber-sumber yang boleh diperbaharui (renewable energy) seperti biofuel (termasuk bioethanol dan biodiesel), sisa bahan asli (biomass) dan solar.
2. PR-1211-L11568
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan langkah baru dalam menangani masalah kenaikan harga barang sejajar dengan kenaikan harga minyak dan makanan di seluruh dunia agar bantuan kepada rakyat berpendapatan rendah dapat dibuat dengan lebih berkesan.
3. PR-1211-L11498
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kementerian akan terus bekerjasama dengan lima Kerajaan negeri yang ditadbir oleh DAP-PKR-PAS untuk menarik pelaburan asing dan memberi insentif kepada pelabur asing yang melabur di 5 negeri tersebut.

4. PR-1211-L11816
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah yang bakal dan akan diambil untuk mengukuhkan lagi integrasi rakyat Malaysia. Ramai rakyat Malaysia masih berasa bahawa Sabah dan Sarawak adalah seumpama 'anak angkat'. Adakah perlu media sering mengatakan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
5. PR-1211-L11977
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan telah dapat dimanfaatkan oleh rakyat melalui Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai yang ditubuhkan oleh Bank Negara pada tahun 1990.
6. PR-1211-L12167
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah segera Kerajaan dalam membantu pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) yang dilaporkan tidak mempunyai sumber kewangan untuk mereka melaksanakan berbagai program di peringkat sekolah kesan daripada pemansuhan bayaran yuran yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
7. PR-1211-L12494
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
 - (a) sama ada konsep reka dan bina bagi melaksanakan projek pembangunan rakyat diteruskan atau sebaliknya selaras dengan pendekatan yang praktikal dan efektif dari segi kos; dan
 - (b) adakah jalan lintas Libaran menjadi keutamaan pembinaannya dalam kajian separuh penggal RMK- 9.
8. PR-1211-L12524
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria yang akan diguna untuk mengkaji Projek Perintis "Full Paying Patient Scheme" yang dilancarkan pada bulan Ogos 2007 di Hospital Selayang dan di Hospital Putrajaya.
9. PR-1211-L11943
Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
 - (a) sama ada telah menyediakan 'blue print' dasar pertanian negara yang baru supaya ia sejajar dengan perancangan pembangunan koridor; dan

- (b) mengenai pengumuman YAB Perdana Menteri bahawa Sarawak akan menjadi jelapang padi kedua selepas Kedah. Sudahkah pihak Kementerian mengenal pasti keluasan, kesesuaian guna tanah dan iklim.
10. PR-1211-L11982
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan nama semua projek perumahan terbengkalai di Negeri Sembilan setakat ini, jumlah pembeli terlibat, jumlah kerugian dan sejauh manakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian untuk memulihkan projek-projek tersebut.
11. PR-1211-L12540
Datuk Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program-program yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah pengangguran dan separuh menganggur (unemployment and under-employment) di kalangan tenaga manusia di luar bandar.
12. PR-1211-L11811
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jangkaan perolehan PETRONAS untuk tahun 2007 mengikut pecahan berikut :-
- (a) dalam Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak);
dan
- (b) luar Malaysia.
13. PR-1211-L11526
Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kejayaan dan kegagalan dalam usaha Kementerian untuk meningkatkan jumlah usahawan Bumiputera.
14. PR-1211-L12070
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peruntukan undang-undang Pendaftaran Negara bagi penduduk di Sabah yang lewat daftar kelahiran serta proses pendaftaran kad pengenalan khasnya yang tidak memiliki sijil kelahiran.
15. PR-1211-L12044
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah emolumen/gaji/elaun yang dibayar kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penasihat Petronas;
dan

- (b) apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Tun dalam kapasiti tersebut.
16. PR-1211-L11913
Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pelaksanaan bangunan Hospital Daerah Lawas yang baru dijalankan mengikut jadual.
17. PR-1211-L11421
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilakah pendaftaran bagi lesen 'F' PKK dibuka semula kepada golongan belia dan usahawan baru.
18. PR-1211-L11673
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan pihak polis untuk menangani masalah jenayah. Mengapa masalah jenayah yang semakin menjadi-jadi tidak dapat diatasi.
19. PR-1211-L12198
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan tapak asal Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK (C) Damansara masih mempunyai bangunan yang sempurna serta infrastruktur yang lengkap; kini telah terbiar lebih daripada 7 tahun, bolehkah Kementerian nyatakan tarikh dibuka semula SRJK (C) Damansara di tapak asalnya yang mana penggunaan tapak asal sekolah tersebut boleh membantu ibu bapa dan pelajar yang tinggal berhampiran dari segi penjimatan masa dan kos perjalanan untuk berulang alik ke sekolah tersebut.
20. PR-1211-L11845
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah masyarakat luar bandar khususnya di Pulau Pinang pasti terjejas berikutan Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dilaksanakan di negeri tersebut.
21. PR-1211-L11877
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelantikan kaum Cina dan India di dalam jawatan-jawatan tertinggi 'civil service' negara ini dan sebab-sebab ianya amat kurang.

22. PR-1211-L12542
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menghapuskan kuota potongan padi seperti potongan angin sebanyak 15% tanpa mengira sama ada padi tersebut basah atau kering.
23. PR-1211-L12492
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang penswastaaan kerja-kerja naik taraf jalan raya. Sila berikan syarat-syarat mengenai penswastaaan ini dan apakah tempoh masa yang paling panjang di antara Kementerian dengan syarikat swasta ini
24. PR-1211-L12000
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan undang-undang 'anti lompat parti' dengan meminda Perlembagaan Persekutuan atau menggubal suatu undang-undang bagi tujuan tersebut, di mana demi kepentingan awam calon yang dipilih rakyat tidak harus dibenarkan memasuki parti politik yang lain setelah dipilih di bawah suatu parti politik.
25. PR-1211-L11748
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan balai polis baru di seluruh negara bagi setiap negeri, kekuatan anggota bertugas dan sejauh mana ianya berjaya meredakan kes jenayah dalam kawasan masing-masing dan prestasi program rakencop yang melibatkan orang awam dan perangkaan mutakhir kes jenayah dan jenisnya. Bagaimanakah kedudukan rancangan penambahan anggota baru.
26. PR-1211-L12372
Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan Kementeriannya untuk membantu sekolah-sekolah mubaligh yang kebanyakan bangunannya sudah uzur dan tidak selamat untuk diduduki, contoh ketara SK St. Teresa, Serian.
27. PR-1211-L11873
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada beliau bersetuju melantik satu wakil daripada Badan Peguam Malaysia sebagai ahli dalam Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.

28. PR-1211-L12663
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Dasar Ekonomi Baru masih menjadi agenda nasional negara memandangkan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang mengetepikan pelaksanaan DEB; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang melaksanakan sepenuhnya peruntukan dalam Perlembagaan Fasal 153 Perkara 4.
29. PR-1211-L11670
Tuan Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapa masalah kekurangan guru yang telah wujud begitu lama di SJKC masih berlaku dan bagaimana Kementerian memastikan pengambilan guru sandaran yang mencukupi dan gaji mereka dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan dan bukannya PIBG. Kenapa terdapat perbezaan besar di antara perhitungan atau ramalan keperluan Kementerian dan keadaan sebenar kekurangan guru yang berlaku di setiap sekolah dan bagaimana masalah ini dapat diatasi.
30. PR-1211-L11958
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah untuk menyemai sikap Konsep Kitar Semula di kalangan remaja kita.
31. PR-1211-L12118
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) berapa peratuskah masa yang digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah dan menengah melakukan kerja-kerja perkeranian seperti mengisi borang-borang dan lain-lain kegiatan yang tidak ada hubungan langsung dengan mata pelajaran yang mereka ajar; dan
 - (b) berapa peratuskah masa sebenar yang digunakan oleh guru-guru untuk persiapan mengajar dan masa mereka mengajar dalam satu minggu waktu bertugas mereka.
32. PR-1211-L11537
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau bercadang meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menghalang mana-mana wakil rakyat daripada bertukar parti.

33. PR-1211-L11780
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Langkah-langkah dan pendekatan kementerian untuk cuba mengawal dan mengurangkan kadar inflasi tahun ini yang diramalkan lebih tinggi daripada tahun 2007 agar masyarakat di bandar yang paling dibebani oleh situasi itu akan dapat mengatasi cabaran tersebut dengan lebih selesa.
34. PR-1211-L11871
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil berkenaan dengan laporan SUHAKAM berkenaan dengan cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sekiranya tiada tindakan, kenapa.
35. PR-1211-L12206
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah waktu sebenar siaran langsung dari Dewan Rakyat dan apakah rasional pemilihan waktu tersebut.
36. PR-1211-L11589
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat yang berada dalam kategori kemiskinan dan kemiskinan tegar mengikut negeri dari tahun 2000 hingga 2007.
37. PR-1211-L11817
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan jenayah pecah rumah, samun dan rompakan premis kediaman menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.
38. PR-1211-L12512
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada boleh mempertimbangkan kekosongan yang ada di negeri Sabah untuk diisi oleh guru-guru yang terlatih daripada negeri Sabah supaya tidak timbul masalah perumahan, perpindahan dan masalah penyesuaian diri dan kekeluargaan dan supaya membolehkan mereka menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai guru demi kepentingan murid-murid dan negara.
39. PR-1211-L11725
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah kedutaan Malaysia di luar negara dan apakah kelayakan yang diperlukan bagi melantik Pesuruhjaya Tinggi dan Duta. Adakah terdapat lantikan dari negeri Sabah.

40. PR-1211-L12015
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin 'Food Security' di dalam negara khususnya untuk negara mempunyai bekalan beras yang mencukupi pada harga yang berpatutan; dan
 - (b) apakah jaminan Kerajaan dapat mengawal dasar Bernas dalam membekalkan beras dan Bernas tidak mengambil kesempatan daripada krisis beras.
41. PR-1211-L11326
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambahkan peruntukan bagi menjalankan projek-projek jalan kampung, elektrik, air dan kemudahan infrastruktur yang lain bagi tahun 2008 untuk negeri Sarawak terutamanya di kawasan Bintulu; dan
 - (b) bilakah pihak Kementerian akan memulakan pembinaan jalan kampung hilir di Sebauh, Bintulu.
42. PR-1211-L11689
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah kajian saintifik dilakukan untuk mengatasi masalah musuh tanaman padi khususnya siput gondang yang meresahkan pesawah padi yang mengakibatkan kemerosotan hasil padi.
43. PR-1211-L12616
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki kelemahan pentadbiran dan kelengkapan di pejabat-pejabat tanah di seluruh negara yang menyebabkan kurang kelengkapan dari segi penyimpanan rekod dan kelambatan dari segi kelulusan hak milik dan pengeluaran geran tanah.
44. PR-1211-L11914
Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan akan menyempurnakan projek penambakan pantai-pantai Sabak, Kuala Pak Amat dan Pantai Kundor di Kelantan yang semakin hari semakin teruk mengalami hakisan.

45. PR-1211-L12719
Datuk Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat mana kebenaran yang kita sering mendengar adanya GLC-GLC yang tidak teragak-agak bersaing dengan usahawan/bumiputera, menarik balik kontrak Bumiputera dan menggantikan pembekal Bumiputra dengan bukan Bumiputera. Mengapakah GLC-GLC memandang remeh usaha memperkukuhkan penyertaan Bumiputera ekonomi dan perniagaan.
46. PR-1211-L12653
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan telah memulakan langkah kajian dan penyelidikan secara saintifik terhadap kesan dasar pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Bahasa Melayu yang menyebabkan pengajaran subjek berkenaan dalam Bahasa Inggeris diperkenalkan.
47. PR-1211-L11947
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah pendatang haram dan kad pengenalan palsu di Sabah.
48. PR-1211-L11708
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selepas penswastaaan pengurusan sisa pepejal sepenuhnya berlaku, adakah pihak pemegang konsesi akan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pusat-pusat pemindahan, kemudahan pelupusan dan rawatan sisa pepejal atau adakah ada pihak lain yang akan dilantik.
49. PR-1211-L12275
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah kesalahan undang-undang perikanan dan laut yang direkodkan di kawasan perairan Tanjung Piandang dan Kuala Kurau.
50. PR-1211-L12462
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi apa jua bantuan kepada warga tani supaya dapat meringankan beban yang harus mereka tanggung memandangkan kos pengeluaran produk pertanian semakin meningkat.

51. PR-1211-L11334
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah penduduk yang hidup di bawah paras garis kemiskinan di Kuala Lumpur; dan
 - (b) berapakah jumlah penduduk di kawasan Lembah Pantai yang hidup di bawah garis kemiskinan mengikut pecahan umur, jantina dan kaum.
52. PR-1211-L12155
Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda peraturan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1952 yang mengenakan denda tidak kurang daripada RM3,000.00 kepada mereka yang lupa membawa kad pengenalan.
53. PR-1211-L12178
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilangan doktor asing yang sedang berkhidmat di seluruh negara mengikut negara asal mereka; dan
 - (b) nisbah seorang doktor dengan pesakit.
54. PR-1211-L12569
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan pertubuhan-pertubuhan belia hampir 6000 buah di seluruh negara yang dilihat gagal bergerak dengan berkesan. Apakah langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
55. PR-1211-L11707
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh memberi jaminan kepada semua pelabur asing yang sedang melakukan usaha sama dengan warganegara Malaysia dalam bidang "distributive trade" supaya tidak dipaksa untuk menstrukturkan semula ekuiti syarikatnya dengan mengumumkan satu dasar yang jelas agar pelabur asing dan pelabur domestik tidak lagi diletak dalam keadaan ketidaktentuan sehingga mereka enggan melabur secara besar-besaran.

56. PR-1211-L11616
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan matlamat sebenar penghapusan cukai jalan motosikal bawah 150cc sebaliknya menaikkan kadar premium insurans mengakibatkan kadar keseluruhan yang perlu dibayar oleh rakyat sama sahaja.
57. PR-1211-L12132
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil atau yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang kenaikan berterusan harga barang keperluan seperti petrol, beras, minyak masak, tepung, susu tepung dan lain-lain.
58. PR-1211-L11692
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak operasi RELA yang telah dilakukan ke atas pendatang tanpa izin sepanjang 2007 hingga kini dan berapa jumlah pendatang tanpa izin yang ditangkap dan apakah kesalahan mereka.
59. PR-1211-L11418
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan Kementerian bagi mengawal kadar inflasi berkaitan peningkatan kos barangan keperluan yang dijangka berlaku.
60. PR-1211-L11463
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah Kerajaan akan memperkenalkan pendaftaran pengundi automatik bagi membenarkan empat juta golongan muda didaftarkan sebagai pengundi; dan
 - (b) apakah Kerajaan akan membentuk Suruhanjaya DiRaja ke arah Reformasi Pilihan raya bagi memastikan pilihan raya bersih, bebas dan adil.
61. PR-1211-L12452
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar Kerajaan Malaysia tidak membenarkan rakyatnya membuat spekulasi di pasaran "Forex" kerana Kerajaan Barisan Nasional telah kerugian berjuta ringgit akibat penglibatan Bank Negara Malaysia di pasaran kewangan.

62. PR-1211-L11497
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Suruhanjaya Pilihan Raya dan Badan Pencegah Rasuah telah mengambil tindakan terhadap tindakan BN yang memberi RM200 kepada pengundi Kelantan yang bermastautin di Kuala Lumpur untuk balik membuang undi di Kelantan memandangkan ini merupakan perbuatan politik wang.
63. PR-1211-L11738
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan kadar kejadian jenayah yang semakin meningkat di negara ini terutama sekali di bandar-bandar besar.
64. PR-1211-L12726
Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan akan memansuhkan monopoli import barangan utama seperti beras dan gula dari sebuah atau dua buah syarikat kepada sebanyak mungkin syarikat supaya harga barangan menjadi murah kesan daripada persaingan sihat itu.
65. PR-1211-L12281
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan dan dasar Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam tempoh 2005 hingga 2010 khususnya perkhidmatan bas.
66. PR-1211-L12609
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah KWSP bercadang untuk membenarkan pencarum mengeluarkan simpanan untuk menunaikan Haji kepada pencarum beragama Islam. Jika untuk pembelian rumah kedua dan pengubahsuaian rumah dibolehkan mengeluarkan KWSP, apakah halangan yang tidak membolehkan penggunaan simpanan KWSP untuk menunaikan kewajipan ibadat Haji.
67. PR-1211-L12678
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran pertumbuhan ekonomi Malaysia dan dunia. Apakah faktor-faktor yang akan mempengaruhi pertumbuhan ini serta kemampuan negara untuk menghadapinya.

68. PR-1211-L11532
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemohon kad pengenalan merah dan kerakyatan serta berapakah yang merupakan isteri / suami asing (pecahan berasingan) yang berkahwin dengan rakyat Malaysia. Apakah sebabnya pasangan asing tersebut tidak dapat diluluskan taraf penduduk tetap ataupun hak kewarganegaraan begitu lama.
69. PR-1211-L12324
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah wang Kerajaan Persekutuan yang telah dibelanjakan di dalam Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang dari peringkat awal dan pulangan yang diperoleh daripada projek tersebut setakat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”.

Menyambung semula perbahasan atas masalah (30 April 2008)

2. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Bacaan Kali Yang Kedua

3. PR-1211-U11249
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diperkenalkan mengikut 'Merchant Shipping Act' 1952 melalui 'Domestic Shipping Licensing Board' bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan 'Cabotage Policy' ini dan mengamalkan 'Open Sea Policy' bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah 'Development Corridor'.

(Menteri Pengangkutan)

4. PR-1211-U11250

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk keseselesaian hidup rakyat.

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

5. PR-1211-U11256

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

(Menteri Belia dan Sukan)

6. PR-1211-U12705
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

(Menteri Dalam Negeri)

7. PR-1211-U12709
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

(Menteri Kewangan)

8. PR-1211-U11516
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

9. PR-1211-U11517

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

10. PR-1211-U11519

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

11. PR-1211-U11520

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

12. PR-1211-U11523

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

13. PR-1211-U12088
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

(Perdana Menteri)

14. PR-1211-U12093
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk menggelakkan penggunaan baja in-organik yang diperolehi terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logiknya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

15. PR-1211-U12097
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

(Menteri Pelajaran)

16. PR-1211-U12648
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)

17. PR-1211-U11457
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

18. PR-1211-U12502
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarkan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

(Menteri Luar Negeri)

19. PR-1211-U12517
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

(Perdana Menteri)

20. PR-1211-U12520
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

(Menteri Kewangan)

21. PR-1211-U12526
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan. Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

(Perdana Menteri)

22. PR-1211-U12529
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

(Menteri Dalam Negeri)

23. PR-1211-U12535
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

(Perdana Menteri)

24. PR-1211-U12740
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

(Perdana Menteri)

25. PR-1211-U12741

Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN. Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

(Perdana Menteri)

26. PR-1211-U12583

Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

(Menteri Pelajaran)

27. PR-1211-U12554

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

(Menteri Pelancongan)

28. PR-1211-U12590

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

(Menteri Pengajian Tinggi)

29. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia."

(Menteri Pelajaran)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.23	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	5 Mei 2008
ST.25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	5 Mei 2008